

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

SOALAN 1 : MORFOLOGI

Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan **dua kata majmuk dan dua kata kerja**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.

Budi bahasa merupakan abdomen penting dalam tubuh masyarakat. Jika abdomen budi bahasa berfungsi dengan baiknya, sendi-sendi bangsa akan terjana dengan cekapnya dan mudahnya. Budi bahasa bertunjangkan pembentukan akhlak dan moral yang sempurna. Budi bahasa juga melambangkan jati diri bangsa. Oleh sebab itu, budi bahasa menjadi tunjang negara kerana bangsa yang berbudi bahasa akan melahirkan negara yang berdaulat.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Siswa, April 2015

[8 markah]

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi tiga ayat yang anda pilih seperti yang berikut.

Subjek : _____
Predikat : _____

Kebanyakan remaja kini mempunyai blog sendiri. Impian mereka adalah untuk menjadi penulis blog dan mempunyai sebuah blog atas nama sendiri. Kemudahan rangkaian Internet secara meluas yang disediakan di tempat awam kini telah meningkatkan jumlah penulis blog. Kebanjiran alat teknologi yang memudahkan remaja mengakses Internet juga turut menambah jumlah penulis blog.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Layan Blog Secara Bijak'
oleh Haliza Che Noh,
Metro Online, 24 Ogos 2016

[6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Petikan di bawah mengandungi sebelas kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Hutan adalah khazanah alam yang perlu dipelihara secara mapan demi memacu pembangunan sosio-ekonomi negara dan menyumbang kepada penstabilan persekitaran demi untuk generasi akan datang.

Semalam, satu dunia meraikan hari hutan antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran rakyat tentang pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

Tatkala ramai lagi yang kurang cakna dengan kepentingan jagaan hutan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerusi Sidang Kemuncak Iklim mensarankan supaya semua negara-negara mengisytiharkan darurat iklim.

Saranan itu membawa sebuah isyarat penting pada dunia bahawa isu kelestarian alam sekitar termasuk masalah yang mengaitkan perhutanan perlu diselesaikan secara tuntas.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sayangilah Belantara Kita'
Harian Metro, 22 Mac 2021

[11 markah]

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam bahasa Melayu Standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

Maka Patih Gajah Mada pun fikir dalam hatinya. 'Adapun negeri Melaka itu sukar binasa maka puas hatiku. Adapun seperti khabar penjurit tujuh bersaudara yang di Bukit Cina itu, jika tiada ia mati, nescaya alahlah Melaka itu.

Setelah sudah ia fikir, maka Patih Gajah Mada pun ingat akan Petala Bumi itu. Maka Patih Gajah Mada pun segera menyuruh kepada bini Petala Bumi bertanyakan anaknya yang bernama Kertala Sari pergi mencuri ke Daha itu, sudahkah datang dari Daha atau belumkah.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

Baca petikan di bawah dengan telitinya, kemudian nyatakan dua peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.

Puan Rokiah telah berhenti kerja sebagai usahawan semata-mata ingin menjaga dan mendidik anak-anaknya sendiri. Beliau mahu mendidik anak-anaknya menjadi orang yang berakhlak dan berjaya sejak kecil lagi. Kini kelima-lima orang anaknya berjaya mengikut jejaknya sebagai usahawan yang berjaya dan memiliki gedung perniagaan sendiri. Anak-anak beliau amat mengenang jasa ibu bapa dengan memberikan wang bulanan dan menjaganya apabila sudah tua. Puan Rokiah bersyukur kerana pengorbanannya tidak sia-sia.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

SOALAN 6 : PETIKAN UMUM

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Vektor ialah apa-apa serangga termasuk nyamuk yang mampu menyebabkan penyakit. Nyamuk adalah salah satu vektor yang membawa penyakit demam denggi, malaria, untut, *Japanese Encephalitis (JE)*, *Yellow Fever*, *West Nile Fever*, Chikungunya, dan penyakit yang sekarang menarik perhatian global, iaitu virus Zika. Penyakit bawaan vektor ini mampu mengancam nyawa manusia sekiranya tidak mendapat pencegahan di peringkat awal. Penyakit ini juga mampu menjejaskan kualiti hidup seseorang. Langkah-langkah yang kita boleh lakukan adalah seperti mendapatkan suntikan vaksin bagi penyakit bawaan vektor yang ada vaksinya. Selain itu, memasang penghadang serangga di jendela rumah. Tidur di bawah kelambu dan memakai ubat penghalau serangga juga amatlah digalakkan. Usaha-usaha yang telah dinyatakan memang berguna, tetapi langkah yang *paling efektif* adalah dengan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk. Sesungguhnya, kurangnya kesedaran tentang kesihatan serta kecuaiian dalam tindakan menyebabkan penyakit bawaan vektor sukar dibendung dan mendatangkan kebimbangan dalam kalangan keluarga yang terlibat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kesedaran Orang Awam Mengenai Kawalan Vektor'
oleh Haji Jaafar bin Haji Jais, Pegawai Kesihatan Kanan,
Bahagian Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan Malaysia

Bahan 2

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mengingatkan rakyat Malaysia agar sentiasa mementingkan kesihatan terutama dalam aspek pemakanan. Perkara ini perlu dipandang serius kerana kecuaiian dalam tindakan mampu mendatangkan kesan negatif kepada keluarga yang terlibat.

Pengambilan kuantiti makanan juga perlu dikawal dengan mengurangkan makanan tinggi kandungan gula, lemak, dan garam kerana pengambilan makanan seumpama ini mampu mendedahkan diri kepada penyakit kronik. Hal ini pastinya akan menyebabkan kualiti hidup seseorang individu itu merosot. Individu disarankan mengambil sayur-sayuran dan buah-buahan, serta banyak minum air kosong bagi memastikan tubuh sihat. Individu yang memandang enteng akan perkara ini akan membahayakan diri lebih-lebih lagi apabila disahkan menghidap penyakit yang berpotensi meragut nyawa manusia.

Amalan merokok bagi mengelakkan rasa mengantuk semasa memandu perlu dihindari kerana kelak akan mengundang penyakit kronik. Bagi yang memandu pulang ke kampung, pastikan anda mendapat rehat mencukupi sebelum memulakan perjalanan yang jauh.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Amal Cara Hidup Sihat, Jaga Kebersihan Rumah Elak Penyakit'
oleh Mohd Husni Mohd Nor,
Berita Harian, Jun 2019

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah maksud rangkai kata *paling efektif*? [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kedua-dua bahan tersebut. [3 markah]
- (iii) Merokok membahayakan kesihatan. Demikianlah ungkapan yang tertera pada setiap kotak rokok di pasaran negara kita.
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan merokok terhadap perokok tegar? [3 markah]
- (iv) Rakan anda sering mengalami masalah kesihatan akibat amalan gaya hidup yang tidak sihat. Nasihat daripada ahli keluarganya juga tidak pernah diendahkan.
Anda merupakan salah seorang rakannya yang paling akrab dan berpengaruh, bagaimanakah cara anda mengajak rakan tersebut agar mengamalkan gaya hidup yang sihat? [4 markah]

SOALAN 8 : NOVEL

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

“Awak tinggal di mana?” tanya Guru Besar Steward.

“Di kampung Sungai Ramal,” jawab Pak Saidi.

“Kampung itu jauh dari sekolah. Macam mana anak awak nak datang ke sekolah setiap hari?”

“Saya boleh hantar sendiri tuan.”

“Awak kerja apa?”

“Menoreh getah dan menanam padi, tuan.”

“Awak orang miskin?”

Sekali lagi telinga Pak Saidi berdesing mendengar kata-kata Guru Besar Steward itu. Pak Saidi sudah nekad. Sekali lagi orang putih itu menghina dirinya, dia akan bertindak. Lalu, dia memikirkan tindakan yang patut dilakukannya. Pertama, dia keluar daripada bilik Guru Besar dan melupakan cita-cita anaknya untuk belajar di sekolah Inggeris. Tindakan kedua, dia menampar mulut orang putih itu dan bersedia menghadapi apa-apa kemungkinan.

Dipetik daripada
Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa
Karya Abdul Latip bin Talib
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan tindakan-tindakan yang difikirkan oleh Pak Saidi apabila mendengar kata-kata penghinaan yang dilemparkan oleh Guru Besar Steward. [4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- b. Tirani karya Beb Sabariah

Dalam setiap novel terdapat peristiwa yang menyentuh perasaan pembaca.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan sebab peristiwa-peristiwa itu menyentuh hati anda.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

SOALAN 9 : RUMUSAN

Baca petikan dan pantun di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan dan pantun.

Bahan 1 - Petikan

Air merupakan unsur mustahak untuk kehidupan semua makhluk hidup. Tanpa air, segala hidupan akan pupus dan lenyap. Malaysia merupakan sebuah negara bertuah yang kaya dengan sumber air. Malaysia juga dikurniakan dengan sejumlah 150 batang sungai utama. Beberapa tahun kebelakangan ini, negara kita sering dilanda dengan pelbagai kejadian pencemaran air dan krisis air. Menurut laporan Jabatan Alam Sekitar, separuh daripada sungai-sungai di negara kita dikelaskan sebagai "tercemar". Hal ini amat membimbangkan memandangkan 97 peratus bekalan air diperolehi dari sungai.

Penubuhan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dilihat sebagai satu daya usaha untuk mengintegrasikan alam sekitar, sumber air, pendidikan awam, dan kelestarian. Hal ini akan dapat membantu proses pengurusan, pemantauan, dan pendakwaan menjadi lebih efektif dan lancar. Bagi memperkukuh sifat cinta akan sungai, Kementerian Pendidikan Malaysia perlu menjadikan pendidikan alam sekitar sebagai mata pelajaran. Kerajaan turut disaran untuk menubuhkan pusat kajian lapangan. Sebagai contohnya, pusat pendidikan sungai, pusat pendidikan iklim, dan pusat pendidikan kaji hayat. Tindakan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang isu alam sekitar dalam dunia realiti. Salah satu usaha yang efektif untuk mengawal pencemaran sungai ialah kerajaan meningkatkan denda untuk pesalah pencemaran sungai. Sebagai contohnya, Kerajaan Negeri Selangor mencadangkan peningkatan denda dari RM 500 ribu hingga RM 1 juta.

Pencemaran sungai yang tidak dikawal akan menjejaskan kualiti air sungai dan membunuh flora dan fauna akuatik. Selain itu, sekuriti makanan manusia akan turut terancam. Pencemaran sungai juga akan mewujudkan air kotor yang sesuai untuk pembiakan bakteria dan virus yang membawa penyakit. Oleh itu, Pertubuhan Bukan Kerajaan giat memberikan sumbangan dalam usaha melestarikan sungai di Malaysia. Langkah mengadakan Kempen Cintai Sungai dan Jimat Air perlu dijalankan secara aktif melalui program televisyen untuk menanam kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang pencemaran sungai. Masyarakat turut memainkan peranan dalam membudayakan prinsip kitar semula penggunaan air agar pencemaran sungai dapat kita bendung.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kelestarian Sumber Air di Malaysia'
oleh Chan Ngai Weng,
Dewan Kosmik, Bil 3/2021

Pantun Bicara Alam

Redup segar di malam kelam,
Cahaya bulan suram ketara;
Air tercemar memusnah alam,
Kelak terkesan ekonomi negara.

Tekun petani membanting tulang,
Dibasah keringat segera berehat;
Rekreasi air turut terhalang,
Batasi hasrat kehidupan yang sihat.

Hidup pohon tumbuh melata,
Namun sayang tidaklah rendang;
Sisa kotoran dibuang merata,
Pelancong kurang datang bertandang.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT